

25/12/2001

Negara bankrap jika gagal urus kewangan

Wan Hazmir Bakar; Abdul Halim Yusoff

ASPEK pengurusan kewangan adalah bidang yang sangat penting kerana kegagalan menguasai bidang itu mampu menyebabkan sebuah negara yang kaya jatuh bankrap, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, kemahiran pengurusan kewangan yang baik juga boleh menghalang sesebuah negara daripada ditekan atau ditadbir oleh mana-mana institusi kewangan antarabangsa.

Dr Mahathir berkata, ketika ini banyak negara di dunia menghadapi masalah kewangan yang tidak dapat diselesaikan walaupun selepas pemimpinnya berusaha sebegitu lama kerana tidak mempunyai kepakaran pengurusan kewangan.

Mengambil contoh kepakaran dan sumbangan pengerusi pertama Permodalan Nasional Bhd (PNB), Tun Ismail Mohd Ali, Perdana Menteri berkata, semua kaum di negara ini boleh menjadikan Allahyarham inspirasi untuk menguasai ilmu pengurusan kewangan.

Dr Mahathir berkata demikian selepas merasmikan Galeri PNB yang dinamakan Galeri Tun Ismail Mohd Ali, di ibu pejabat PNB, di Kuala Lumpur, semalam. Hadir sama ialah isteri Perdana Menteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali dan Pengerusi PNB, Tan Sri Ahmad Sarji Abdul Hamid.

Dr Mahathir yang tidak dapat menahan sebak ketika mengimbas sumbangan Allahyarham ke arah meningkatkan penyertaan Bumiputera dalam bidang perniagaan melalui PNB berkata, antara jasa terbesar Allahyarham ialah menggunakan pendekatan melalui pemilikan saham oleh Bumiputera dalam syarikat terkenal.

"Allahyarham ditugaskan mencipta PNB kerana pengalaman luasnya dalam bidang kewangan dan kini nilai saham yang dimiliki Bumiputera melalui PNB ialah satu angka yang tidak dimimpikan sesiapa," katanya dengan suara tersekat-sekat menahan sebak.

Dr Mahathir berkata, sumbangan Allahyarham yang juga Bumiputera pertama dilantik Gabenor Bank Negara, secara tidak langsung membuatkan orang Melayu kini memiliki kekayaan seperti mempunyai bangunan dan kedai.

Beliau berkata, pemilikan amanah saham oleh Bumiputera itu berjaya menarik pelabur yang sehingga kini mencatat tujuh juta orang dengan jumlah pelaburan bernilai RM36 bilion dalam pelbagai amanah saham PNB.

"Saya harap generasi muda hargai usaha (Allahyarham) ini dan menjadikan beliau contoh bagaimana Bumiputera dapat menguasai ilmu pengurusan kewangan yang dianggap sesetengah pihak tidak mampu dimiliki Bumiputera," katanya.

Allahyarham Tun Ismail menjadi Pengerusi PNB sejak ditubuhkan pada 17 Mac 1978 sehingga 17 Oktober 1996. Allahyarham terus menjadi penasihat PNB sehingga beliau meninggal dunia pada 6 Julai 1998.

Sementara itu, Ahmad Sarji berkata, Galeri Tun Ismail adalah galeri hidup dengan bahan pameran ditukar setiap enam bulan. Ia turut mempamerkan lukisan pelukis tempatan untuk memartabatkan hasil seni lukis negara.

"Selain penubuhan galeri, PNB juga mewujudkan Yayasan Tun Ismail Mohd Ali untuk memberi biasiswa kepada pelajar yang mendapat tempat di Universiti Cambridge, England dalam bidang undang-undang, ekonomi, kejuruteraan dan sains material," katanya.

(END)